



IKLAN PENGAMBILAN SECARA KONTRAK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

JAWATAN : PEGAWAI SAINS (MIKROBIOLOGI) GRED C41

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang dalam usaha untuk membuat pengambilan Pegawai Sains (Mikrobiologi) Gred C41 secara kontrak (*Contract of Service*) bagi tempoh **satu (1) tahun** untuk membantu menangani pandemik COVID-19.

A. JAWATAN

JAWATAN	GRED	GAJI	ELAUN*
Pegawai Sains (Mikrobiologi)	C41	RM2,317.00	ITKA :RM300.00 ITP :RM250.00 BSH :RM200.00-RM300.00

B. SYARAT KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 50 tahun.
2. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
3. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
4. Memandangkan pengambilan ini adalah sebagai petugas kesihatan bagi membantu dalam menangani wabak COVID-19, calon hendaklah mempunyai tahap kesihatan yang baik dan tidak berisiko seperti mengandung, tiada masalah kesihatan kronik seperti penyakit jantung, *Asthma*, *Chronic Obstructive Airway Disease (COAD)*, *Diabetes Mellitus (DM)*, *Hypertension (HPT)* dll., tiada kecacatan mental atau anggota badan, tidak mempunyai penyakit berjangkit dan sebagainya.

5. Sedia menyumbang perkhidmatan di mana-mana fasiliti hospital atau klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara yang melibatkan pelbagai kategori pesakit termasuk pesakit COVID-19.
6. Sedia bertugas secara bergilir (syif)/ lebih masa/ luar waktu pejabat, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am mengikut keperluan.
7. Lulus tapisan panel temu duga dari pihak KKM.

C. CARA MEMOHON

1. Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan boleh mengemukakan permohonan secara atas talian melalui pautan berikut <https://forms.gle/9rtswTXRq6vwoYRT6> mulai **17 Mei 2021**, jam **5.00 petang**. Calon hendaklah memberikan maklumat yang lengkap, tepat dan benar dalam borang permohonan. Pelantikan boleh dibatalkan sekiranya didapati calon mengemukakan maklumat tidak tepat dan tidak benar.
2. Permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, tidak lengkap dan tidak benar **tidak akan dipertimbangkan**.
3. Hanya calon yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan di **temuduga secara atas talian**.
4. Calon hendaklah sertakan salinan kad pengenalan, salinan sijil SPM dan salinan sijil Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, mengguna pakai format borang yang disediakan.

NOTA PENTING

Sekiranya calon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh permohonan, maka permohonan calon dianggap tidak berjaya.

*CATATAN

I.T.K.A – IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM
I.T.P – IMBUHAN TETAP PERUMAHAN
B.S.H – BANTUAN SARA HIDUP